



Kelantan tegas pertahankan hak REE:
“Jangan ulangi sejarah petroleum”
- Dato’ Dr. Fadzli

**Tok Guru pencetus amalan
bacaan al-Fatihah sebelum
mesyuarat**

**Acara berbalas pantun serikan
Himpunan Wanita Sejahtera
Kelantan 2025**

**LTSIP kendali lebih 1.3 juta
penumpang sehingga September
tahun ini**

Kelantan teguh jadikan Islam teras pentadbiran negeri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh komitmen menjadikan Islam sebagai teras utama dalam urus tadbir negeri melalui pelaksanaan dasar yang berpaksikan syariat serta berlandaskan nilai-nilai Islam.

Menteri Besar Kelantan, YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud berkata, pendekatan ini membuktikan bahawa meskipun Kelantan merupakan sebuah negeri kecil di Semenanjung Malaysia, namun keberanian dan keyakinan untuk mendaulatkan Islam sebagai dasar pemerintahan tetap menjadi keutamaan kerajaan negeri.

“Kejayaan ini seharusnya menumbuhkan rasa syukur dalam diri setiap anggota pentadbiran dan seluruh jentera kerajaan negeri, kerana kita semua telah menjadi sebahagian daripada sejarah besar yang memartabatkan Islam sebagai panduan hidup dan dasar pemerintahan.”

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Sambutan Membangun Bersama Islam kali ke-35, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Dato’ Nassuruddin turut merakamkan penghargaan kepada semua warga pentadbiran yang menjadi tonggak kekuatan dalam mengukuhkan pentadbiran kerajaan negeri.

“Sesungguhnya, tiada ungkapan yang lebih bererti melainkan doa dan penghargaan tulus atas segala khidmat bakti, kesetiaan dan pengorbanan yang telah dicurahkan demi kelangsungan pemerintahan Islam di bumi Serambi Mekah ini,” katanya.

Beliau turut mengingatkan kata-kata Sayyidina Umar al-Khattab



bahawa kemuliaan sebenar hanya diperoleh melalui Islam dan bukan sumber lain.

Hal ini, jelas beliau, selari dengan prinsip Hawariyyun dalam Pengurusan Ihtirafi yang merupakan salah satu daripada lima prinsip utama kepimpinan yang diperkenalkan kerajaan negeri bagi memperkukuh budaya profesionalisme dalam kalangan warga pentadbiran.

Menurut YAB Menteri Besar lagi, kekuatan rohani dan keimanan menjadi tunjang keteguhan pentadbiran, namun aspek kecekapan dan kecemerlangan dalam melaksanakan amanah juga perlu diperkaskan bagi memastikan keberkesanan tadbir urus kerajaan.

Beliau turut mengingatkan seluruh warga pentadbiran, lantikan politik serta jentera kerajaan negeri di setiap peringkat agar menjaga elemen keberkatan dalam urusan pentadbiran.

“Keberkatan ialah asas kekuatan sebenar sesebuah kerajaan. Tanpanya, segala pencapaian yang zahir tidak akan membawa makna yang berkekalan. Tanda keberkatan dapat dilihat melalui pertambahan kebaikan, kecemerlangan tadbir urus, peningkatan hasil negeri, kesejahteraan rakyat serta kesepadu-

an antara pendokong yang sama menggerakkan agenda Islam dan kemajuan negeri,” tegasnya.

Tambahnya lagi, kerajaan negeri kini melangkah ke hadapan dengan penuh komitmen melalui pelaksanaan Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menjadi panduan utama dalam mengemudi pentadbiran negeri menuju Kelantan Sejahtera 2033.

Jelas beliau, PMBI merupakan manifestasi kesungguhan kerajaan untuk meneguhkan asas pentadbiran berpaksikan prinsip Islam yang menggabungkan kemajuan fizikal dan kesejahteraan spiritual rakyat.

“Kepimpinan dan pentadbiran mestilah berpandu kepada syariat serta tidak tunduk kepada hawa nafsu yang boleh menggugat prinsip perjuangan Islam.

“

Kejayaan ini seharusnya menumbuhkan rasa syukur dalam diri setiap anggota pentadbiran dan seluruh jentera kerajaan negeri, kerana kita semua telah menjadi sebahagian daripada sejarah besar yang memartabatkan Islam sebagai panduan hidup dan dasar pemerintahan,”

“PMBI digerakkan dengan tiga teras Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak yang menjadi asas kukuh untuk melahirkan pendukung yang ikhlas bekerja kerana Allah, bersikap jujur dalam melaksanakan tugas dan mempunyai sikap yang positif untuk memenuhi hasil kerja dengan cemerlang,” jelas beliau.

Hadir sama, Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato’ Sri Amar D’Raja Dato’ Mohd Amar Abdullah, Mantan Menteri Besar YB Dato’ Bentara Kanan, Ustaz Dato’ Ahmad Yakob, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan 35 tahun MBI merangkap Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pembangunan) Dato’ Ahmad Adlee Yasin dan Ahli-Ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan.



Kelantan tegas pertahankan hak REE: “Jangan ulangi sejarah petroleum” - Dato’ Dr. Fadzli



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 29 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan menegaskan pendirian dalam mempertahankan kedaulatan dan hak negeri terhadap sumber Unsur Nadir Bumi Tidak Radioaktif (NREE) yang terletak sepenuhnya di daratan negeri itu, susulan perjanjian dagang Malaysia–Amerika Syarikat yang ditandatangani semasa lawatan Presiden Donald Trump ke Kuala Lumpur pada 26 Oktober lalu.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato’ Dr. Mohamed Fadzli Hassan berkata perjanjian tersebut menimbulkan persoalan besar terhadap masa depan sektor mineral kritikal negara, khususnya REE, yang mempunyai nilai strategik dan ekonomi tinggi kepada negeri-negeri pengeluar seperti Kelantan, Terengganu dan Kedah.

“Kelantan memiliki deposit NREE kedua terbesar di Malaysia selepas Terengganu, dengan nilai mencecah ratusan bilion ringgit.

Ia sumber di daratan yang dijamin haknya di bawah Perlembagaan Persekutuan — hak mutlak negeri dan rakyat Kelantan,” katanya.

Menurutnya, berbeza dengan petroleum yang berada di dasar laut dan sering dikaitkan dengan “peraturan tiga batu nautika”, REE tidak tertakluk kepada peraturan tersebut.

“Oleh itu, hak terhadap hasil bumi tersebut tidak boleh dinafikan kepada kerajaan negeri.

“Dalam kes petroleum, kita telah kehilangan hak terhadap royalty walaupun perjanjiannya jelas. Kita tidak akan membenarkan REE menjadi ‘petroleum kedua’. Negeri ini tidak boleh lagi sekadar menjadi penonton kepada kekayaan sendiri,” tegasnya.

Dato’ Dr. Fadzli juga menegaskan bahawa kerajaan negeri menyambut baik pelaburan luar, namun dengan syarat pelabur menghormati hak dan kedaulatan negeri.

Beliau menolak sebarang bentuk pelombongan yang hanya mengeksport bahan mentah ke luar negara tanpa pemprosesan di dalam negeri.

“Dasar kita jelas. REE mesti diproses, kalau tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya semaksimum mungkin di Kelantan. Kita mahu nilai tambahnya kekal di sini. Apabila diproses di sini, industri hulu dan hiliran akan berkembang, peluang pekerjaan dan latihan ke-

mahiran tinggi terbuka untuk anak muda kita,” katanya.

Beliau turut menegaskan bahawa kerajaan negeri kini sedang mencari rakan pelabur yang adil serta kaedah kerjasama terbaik bagi menjamin keuntungan maksimum untuk rakyat.

“Kita tidak mahu pelabur yang hanya mengaut hasil dan meninggalkan kerak dan sisa. Ini bukan soal politik, ini soal kedaulatan ekonomi negeri,” jelasnya.

Mengulas perjanjian Malaysia–Amerika Syarikat yang menetapkan tiada sekatan eksport atau kuota terhadap REE ke Amerika, beliau menyifatkan perkara itu sebagai isu kedaulatan ekonomi yang perlu diperjelaskan segera oleh kerajaan Persekutuan.

“Bagaimana jika Kelantan mahu menapis pelabur atau mengehadkan eksport demi menjamin nilai tambah tempatan? Adakah langkah itu dianggap melanggar komitmen antarabangsa? Adakah negeri masih bebas menentukan dasar sendiri, atau kini semuanya terikat kepada janji yang dibuat kerajaan Persekutuan?” soalnya.

Beliau turut menzahirkan kekesalan kerana negeri-negeri pengeluar tidak dirunding sebelum perjanjian tersebut dimeterai.

“Perjanjian bernilai berbilion ringgit yang menyentuh hasil bumi negeri tidak sepatutnya dibuat tanpa pandangan kerajaan negeri. Ini

menyimpang daripada semangat federalisme dan menafikan hak negeri yang dijamin dalam Perlembagaan,” ujarnya.

Justeru, beliau menyeru kerajaan Persekutuan membentangkan isi penuh perjanjian Malaysia–Amerika Syarikat di Parlimen serta Majlis Tanah Negara bagi memastikan ketelusan dan semangat kerjasama antara kerajaan negeri dan Persekutuan dipertahankan.

“Kami mohon rundingan khas bersama semua negeri pengeluar sebelum sebarang dasar atau pemberian lesen dilaksanakan. Pelaburan mesti disertai rasa hormat kepada kedaulatan negeri, bukan menyerahkan hak kepada orang lain atas nama diplomasi,” tegasnya.

Beliau juga menegaskan bahawa Kelantan akan mempertahankan hak terhadap sumber negeri dengan hujah dan prinsip, sambil menzahirkan keyakinan bahawa rakyat negeri itu akan berdiri bersama kerajaan negeri dalam memperjuangkan kepentingan mereka.

“REE adalah asas kepada teknologi masa depan iaitu tenaga hijau, pertahanan negara dan pembangunan industri. Jika hala tuju ditentukan oleh perjanjian dengan kuasa asing, masa depan negara tidak lagi di tangan kita. Kami akan mempertahankan hak ini dengan tegas dan berprinsip,” katanya mengakhiri kenyataan.



Dasar MBI terus jadi tunjang pentadbiran Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 29 Oktober – Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diasaskan oleh mantan Menteri Besar Kelantan Almarhum Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun 1990, terus menjadi teras dan panduan utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sehingga hari ini.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Membangun Bersama Islam kali ke-35, merangkap Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, dasar MBI bukan sekadar slogan semata-mata, tetapi menjadi panduan menyeluruh dalam menggubal dasar dan melaksanakan urusan pentadbiran negeri.

Menurutnya, pelaksanaan dasar tersebut meliputi pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial, pendidikan dan pembangunan insan, semuanya berpaksikan kepada prinsip Islam sebagai addin yang syumul.

"Kini dasar ini diteruskan dengan pendekatan baharu di bawah kepimpinan YAB Dato' Panglima Perang melalui gagasan Peng-



hayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

"Pendekatan ini bukan sekadar melihat Islam diterjemahkan dalam bentuk dasar, tetapi turut dihayati dalam budaya kerja serta cara hidup bermasyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Sambutan Membangun Bersama Islam kali ke-35 yang diadakan di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim pada Selasa.

Tambahnya, dasar berkenaan menuntut agar setiap penjawat awam dan rakyat menjadikan Islam sebagai tunjang kehidupan serta panduan dalam setiap tindakan, sekali gus melahirkan masyarakat yang bertakwa kepada Allah SWT.

Mengimbas pencapaian dasar tersebut sepanjang 35 tahun pelaksanaannya, Dato' Wan Roslan berkata, banyak kejayaan telah dikecapi termasuk peningkatan pembangunan fizikal, pertumbuhan ekonomi rakyat dan kesejahteraan sosial yang semakin baik.

"Namun, kejayaan yang paling besar ialah kejayaan melahirkan masyarakat yang berjiwa Rabbani, berakhlak mulia dan berteraskan keimanan kepada Allah SWT," ujarnya.

Beliau turut menzahirkan harapan agar sambutan 35 tahun dasar MBI itu menjadi platform untuk memperkukuh pelaksanaan strategi PMBI secara lebih menyeluruh, bukan hanya sebagai slogan dan dasar semata-mata, tetapi dihayati

dalam sistem pentadbiran, pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan negeri.

Katanya lagi, sambutan tersebut juga diharap dapat menjadi pemangkin ke arah pelaksanaan halatuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028 yang menekankan prinsip tadbir urus Islam, kesejahteraan rakyat serta pembangunan mampan berteraskan nilai-nilai murni Islam.

"Sambutan ini bukan sahaja menandakan kejayaan pelaksanaan dasar ini selama lebih tiga dekad, tetapi menjadi ruang untuk kita memperbaharui tekad dalam menghayati falsafah dan roh Membangun Bersama Islam yang menjadi tunjang pentadbiran negeri Kelantan," ujarnya.



Tok Guru pencetus amalan bacaan al-Fatihah sebelum mesyuarat



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 28 Oktober 2025 – Amalan membaca surah al-Fatihah pada permulaan mesyuarat dan disudahi dengan surah al-Asr serta tasbeih kafarah dicituskan oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) sebaik sahaja menerajui pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1990.

Menurut Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Dato' Dr. Zainuddin Ibrahim, amalan itu pada awalnya mengundang kritikan dan dianggap janggal dalam urusan rasmi, namun akhirnya diterima dan diikuti di seluruh peringkat pentadbiran.

"Tok Guru mahu setiap urusan kerajaan bermula dengan mengingati Allah, kerana pentadbiran bu-



kan sekadar tugas duniawi tetapi amanah akhirat," katanya ketika sesi Wacana 35 Tahun Membangun Bersama Islam di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Beliau berkata, tahun 1990 menjadi titik perubahan besar apabila PAS menerajui pentadbiran negeri melalui kepimpinan ulama yang

membawa visi dan misi berteraskan nilai Islam sebagai asas kepada dasar serta pelan pembangunan.

Antara pembaharuan penting yang diperkenalkan pada zaman pentadbiran Tok Guru ialah pengajuran Bulan Solat, penetapan waktu bekerja yang dipendekkan pada bulan Ramadan, pemindahan akaun kerajaan ke bank Islam, pengenalan skim pajak gadai Ar-Rahnu, serta penutupan premis perjudian dan penjualan arak, yang menjadi kejutan budaya kepada pegawai kerajaan dan rakyat ketika itu.

Dato' Dr. Zainuddin menegaskan bahawa segala perubahan tersebut memberi cabaran besar pada permulaannya, tetapi ia menjadi asas kepada sistem pentadbiran Islam Kelantan sehingga kini.

Lampu solar berteknologi pintar sokong agenda kelestarian alam sekitar

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 29 Oktober — Usaha Kerajaan Negeri Kelantan untuk memperkukuh pelaksanaan Agenda Kelestarian Alam Sekitar di bawah Dasar Bandar Pintar Kelantan 2040 dan My-Local Agenda 21 PBT Kelantan terus diperkasakan melalui inisiatif penggunaan lampu solar berteknologi pintar di seluruh negeri.

Untuk tujuan tersebut, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah dan wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan perbincangan bersama sebuah syarikat tempatan yang merupakan pemain industri dalam pembekalan lampu solar bertiang warna bendera Palestin dan teknologi pintar berasaskan Internet of Things (IoT).

Menurut YB Hilmi, pertemuan yang berlangsung di pejabatnya pada Isnin menjadi platform penting untuk menimba ilmu dan memahami teknologi terkini ke arah menjayakan agenda bandar pintar dan kelestarian alam sekitar



di Kelantan.

“Lampu solar yang diintegrasikan dengan sistem IoT serta kamera litar tertutup (CCTV) merupakan sebahagian daripada komponen infrastruktur Smart City (Bandar Pintar).

“Selain berfungsi sebagai elemen keselamatan dan pencahayaan awam, teknologi ini juga membantu mengurangkan pelepasan karbon, seiring dengan matlamat Bandar Rendah Karbon (Low Carbon City) dan aspirasi Kelantan Smart Green City 2040,” katanya menerusi hantaran di media sosial pada Selasa.

Katanya lagi, lampu solar ter-

bukti menjimatkan kos kerana tidak memerlukan kerja tanah atau sambungan kabel elektrik.

“Proses pemasangan juga cepat dan fleksibel menjadikannya sangat sesuai untuk digunakan di kawasan luar bandar, taman rekreasi, tempat letak kereta, serta jalan kampung yang belum mempunyai sambungan bekalan elektrik,” ujarinya.

Tambahnya, selain mudah diselenggara yang hanya memerlukan pemeriksaan berkala terhadap bateri dan panel solar, lampu solar juga menjadi simbol kemajuan dan inovasi perbandaran.

“Lampu solar ini bukan sahaja

meningkatkan imej moden dan selamat kawasan, bahkan berpotensi menarik minat pelabur serta pelancong untuk terus hadir ke negeri ini sebagai bukti komitmen Kelantan terhadap pembangunan lestari.

“Kini semakin banyak kawasan di bawah operasi Pihak Berkualiti Tempatan (PBT) di Kelantan, khususnya di laluan protokol, telah mula dipasang dengan lampu-lampu solar. In sya Allah, pada tahun hadapan, pemasangan kemudahan ini akan terus diperluas bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat Kelantan terus terjamin,” jelasnya.

Kelantan-Universiti Al-Qarawiyyin jalin kerjasama strategik, lahirkan ulama berwibawa



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 29 Oktober — Kelantan mengambil langkah strategik bagi melahirkan ulama berwibawa menerusi kerjasama dengan Universiti Al-Qarawiyyin pada Selasa.

Delegasi yang membawa rombongan ulama pondok negeri Kelantan itu disambut oleh Rektor Dr. Amal Jalal.

Menurut Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud, perbincangan tersebut tertumpu kepada kerjasama pengajian di bawah Ta’alim Al-Atiq, sistem pondok tradisional yang menekankan pembacaan kitab secara talaqqī dan musyafahah.

“Murid hanya menerima ijazah setelah menguasai matan dan syarah tertentu dalam tempoh tiga

tahun, tanpa sistem kredit atau semester seperti universiti moden.

“Kaedah pengajian pondok di negara kita menyamai Taa’lim Al-Atiq di sini, tetapi pengambilan murid di sini sangat ketat dan mesti hafal 30 Juz Al-Quran terlebih dahulu “ jelasnya menerusi laman rasmi pada Selasa.

Tambahnya, pelajar yang menamatkan pengajian pondok boleh menyambung ke peringkat

universiti rasmi di Jami’ah, yang beroperasi di bawah Kementerian Wakaf Maghribi, lengkap dengan struktur fakulti, peperiksaan, dan anugerah ijazah.

Delegasi berkenaan turut meninjau usaha institusi pengajian Islam tertua di Maghribi tersebut dalam menjaga dan memperbaiki manuskrip lama, melawat tempat ibadat dan suluk penulis Dala’ilul Khairat Syekh Muhammad Sulaiman al-Jazuli, serta menerima ijazah pengamalan Dala’ilul Khairat.

Rombongan itu turut mengadakan tinjauan ruang asrama pelajar, bilik pengajian serta dewan kuliah.

“Semoga jalinan yang dibina ini akan membuahkan hasil yang terbaik demi pembentukan generasi ulama rabbani di Negeri Serambi Mekah “ ujar YB Mohd Asri.

Kelantan–Maghribi perkukuh kerjasama pembangunan Islam



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 28 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh hubungan pembangunan Islam dengan Maghribi melalui lawatan ilmiah dan kunjung hormat ke Kementerian Wakaf Maghribi di Rabat pada 23 Oktober lalu.

Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubu-

ngan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, pertemuan dua hala tersebut bertujuan memperluas kerjasama dalam latihan keilmuan ulama serta pembangunan institusi pendidikan Islam di negeri ini.

Menurutnya, sesi perbincangan itu turut membuka ruang pelaksanaan program kerjasama melibatkan pelajar dan guru pondok Kelantan dengan institusi pengajian Islam di bawah Kementerian Wakaf Magh-

ribi.

“Hubungan ini penting dalam memperkukuh tradisi keilmuan Islam serta meningkatkan kualiti pendidikan agama di Kelantan seiring usaha kerajaan negeri dalam membangunkan modal insan berteraskan ilmu dan akhlak,” katanya.

Rombongan tersebut turut disambut oleh Duta Besar Malaysia di Maghribi Dato’ Shahabudeen

Adam Shah bersama wakil kementerian berkenaan.

Delegasi juga mengadakan kunjungan hormat ke pejabat duta berkenaan dan mengambil peluang menyantuni pelajar-pelajar Kelantan di Maghribi.

Mahasiswa itu menyatakan komitmen untuk menyumbang kembali kepada negeri selepas tamat pengajian.

Tambah YB Mohd Asri, sesi kunjungan itu akan menjadi platform kukuh bagi memperluas hubungan dua hala antara Kelantan dan Maghribi demi kepentingan rakyat serta kemajuan pendidikan Islam negeri.

Turut mengiringi beliau ialah Pengarah JAHEAIK Dr. Hasnan Ramli, Mantan Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr. Lokman Abdullah dan Pengerusi Persatuan Guru Pondok Kelantan Wan Rosli Wan Ibrahim.

Acara berbalas pantun serikan Himpunan Wanita Sejahtera Kelantan 2025

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 27 Oktober – Suasana Himpunan Wanita Sejahtera Kelantan 2025 diserikan dengan sesi berbalas pantun yang menyerlahkan kreativiti dan semangat perpaduan wanita Kelantan.

Acara dua sesi berbalas pantun itu menampilkan persembahan kreatif dan cukup bermakna yang berlangsung di Dewan Kelantan Trade Centre (KTC) pada Jumaat.

Sesi pertama bertemakan “Wanita Tongkat Serandang” telah menampilkan isteri-isteri Ahli Dewan Negeri (ADN) menyampaikan pantun tentang peranan wanita sebagai pendokong keluarga dan masyarakat.

Sesi kedua, bertemakan “Siasah Silang Budaya”, melibatkan wakil wanita dari pelbagai kaum, memperlihatkan keharmonian budaya serta perpaduan masyarakat majmuk di Kelantan.

Hampir 400 wanita daripada pelbagai latar belakang telah



menghadiri himpunan tersebut yang dianjurkan Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan (U-KeK-Wa) dengan kerjasama Persatuan Isteri-Isteri Wakil Rakyat Kelantan (PURNAMA) sempena Sambutan 35 Tahun Membangun Bersama Islam (MBI).

Isteri Menteri Besar Kelantan merangkap Yang Dipertua (YDP)

PURNAMA Datin Panglima Perang Datin Wan Nor Hanita Wan Yaakob berkata, wanita merupakan sayap perjuangan yang memainkan peranan penting dalam memimpin keluarga dan masyarakat ke arah pembangunan berteraskan Islam.

“Wanita bukan sahaja penggerak keluarga, malah sayap perjuangan yang memperkukuh perjuangan Islam dalam masyarakat.

Dengan ilmu dan iman, wanita mampu membentuk generasi yang berakhlak dan berilmu,” jelasnya.

Himpunan itu turut dihadiri Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan YB Dato’ Rohani Ibrahim, Ahli Parlimen Tumpat YB Dato’ Mumtaz Md Nawi serta ahli-ahli PURNAMA.

Anugerah Seni Negeri Kelantan 2025 iktiraf jasa penggiat seni Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 28 Oktober – Anak seni dan penggiat budaya Kelantan diraikan dalam Majlis Penganugerahan Anugerah Seni Negeri (ASN) Kelantan 2025 yang berlangsung di sebuah hotel di sini, semalam.

Majlis Penganugerahan tersebut disampaikan oleh Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Kelantan, YB Datuk Kamarudin Md Nor.

Datuk Kamaruddin menzahirkan penghargaan tinggi kepada Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) atas penganjuran majlis anugerah itu.

“Majlis ini bukan sahaja meraikan kejayaan para penggiat seni, tetapi turut mengangkat martabat seni dan budaya negeri.



“Saya berharap kategori kesenian dapat dikembangkan kepada lebih banyak cabang, terutama kepada pengusaha kraf tangan, ukiran kayu, logam, emas dan perak,” katanya ketika ditemui selepas majlis, semalam.

Menurutnya, pemilihan penerima anugerah dibuat berdasarkan penilaian ahli panel serta cadangan daripada persatuan-persatuan seni di negeri ini.

Anugerah utama, Anugerah

Tokoh Seni Negeri 2025 dianugerahkan kepada Zainal Abidin Muhammad sebagai pengiktirafan sumbangan beliau dalam dunia seni dan budaya Kelantan.

Tokoh yang dirai itu merupakan pengarah teater dan persembahan dan beliau membawa pulang wang tunai RM3000, sijil dan plak penghargaan.

Bagi kategori lain pula, Persatuan Kebudayaan, Kesenian Awang Selamat, Kota Bharu telah men-



erima Anugerah Pendukung Seni Negeri 2025 bagi kategori Badan Bukan Kerajaan, manakala KamalAriff Holdings Sendiri Berhad dipilih bagi kategori Agensi Kerajaan/Korporat.

Kategori Media pula menyaksikan Rona Merah Network menerima pengiktirafan atas sumbangan mereka mempromosi dan mengetengahkan seni budaya Kelantan melalui liputan visual dan penulisan.

Kelantan luluskan peruntukan segera baik pulih jambatan uzur di Taman Sabariah



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 24 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan meluluskan peruntukan segera bagi kerja-kerja pembaikan jambatan uzur di Taman Sabariah bagi memastikan proses pelaksanaan dapat dijalankan dengan lancar dan tanpa sebarang kelewatan.

Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Dato’ Dr. Izani Husin berkata kerja-kerja penyelenggaraan kini telah dimulakan selepas proses

penyediaan dokumen, tender dan pelantikan kontraktor selesai dilaksanakan.

“Saya telah mengarahkan agensi terlibat seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu serta Pusat Khidmat DUN untuk menjadikan pemulihan jambatan ini sebagai satu keutamaan.

“Buat masa ini, jambatan berkenaan ditutup sepenuhnya kepada orang awam bagi memberi laluan kepada kerja-kerja penyelenggara-

raan dijalankan dengan selamat dan teratur,” katanya menerusi media sosial, pada Khamis.


Beliau turut menyeru semua pihak agar tidak mempolemikan isu berkenaan atau menuding jari kepada mana-mana pihak.

“Salurkan aduan di saluran yang betul. Apabila aduan diterima, ia perlu melalui proses yang sepatutnya bermula daripada kelulusan bajet, penyediaan reka bentuk, sebut harga, penyediaan dokumen kontrak sehinggalah ke peringkat tawaran tender dan pelantikan kon-

traktor.

“Semua itu perlu melalui prosedur bagi memastikan ketelusan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Kita tidak mahu menggunakan pendekatan ‘bulldoze’ yang akhirnya menyebabkan projek menjadi ‘gajah putih’ dan merugikan rakyat,” ujarinya.

Terdahulu, pada 14 Julai lalu, Dato’ Dr. Izani telah mengadakan lawatan ke lokasi jambatan tersebut dan mendapati struktur berkenaan berada dalam keadaan uzur serta membahayakan pengguna.



K-RINK 2025 asah bakat pelajar dalam dunia teknologi

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 28 Oktober – Karnival Robotik dan Inovasi Kelantan (K-RINK) 2025 terus menjadi platform penting dalam mengasah bakat pelajar dalam bidang robotik, teknologi dan inovasi digital.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, penganjuran karnival itu mampu memperkukuh budaya penyelidikan dan semangat reka cipta di peringkat sekolah.

"Pelbagai hasil inovasi menarik diketengahkan sepanjang karnival ini, memperlihatkan kreativiti dan daya fikir luar biasa dalam kalangan pelajar," katanya.

Menurutnya, K-RINK 2025 turut bertujuan menyemai budaya Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam kalangan generasi muda, terutama pelajar sekolah, kerana mereka lebih mudah dibimbing dan dibentuk sejak awal.

"Karnival ini dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan bakat muda dalam bidang Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM) seiring aspirasi negara untuk melahirkan generasi celik teknologi dan berdaya inovatif.

"Saya juga ingin melihat pelajar-pelajar YIK bukan sahaja menjadi pengguna teknologi, tetapi juga pencipta teknologi. Apabila sampai



masanya nanti, Kelantan khususnya dan Malaysia amnya tidak lagi bergantung kepada teknologi luar," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penutup K-RINK 2025 yang berlangsung di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak, Kompleks Islam Sultan Ismail Petra, Panji, pada Isnin.

Tambahnya, Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju untuk membuka penyertaan kepada sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada penganjuran tahun hadapan supaya manfaat program seperti ini dapat dikongsi dengan lebih meluas.

Sebanyak 30 pasukan mewakili 60 buah sekolah YIK telah menyertai pertandingan robotik, manakala 44 buah sekolah mengambil bahagian dalam pertandingan inovasi sepanjang K-RINK 2025.

Johan pertandingan robotik

disandang oleh sekolah Maahad Muhammadi Lelaki Kota Bharu dan SMU (A) Bustanul Saadah Morak, diikuti Naib Johan oleh Maahad Muhammadi Gua Musang dan SMU (A) Al-Taqwa, Ciku.

Tempat ketiga dimenangi oleh Kolej Tahfiz Sains Nurul Aman dan SMU (A) Ittihadiyah Tanjung Pagar, manakala tempat keempat disandang oleh Maahad Syamsul Maarif Lelaki dan SMU (A) Taqadum Ilmi, Ketereh.

Hadiah bagi kategori robotik ialah wang tunai RM1,000, dua kit robotik dan sijil penyertaan untuk johan, diikuti RM700 untuk naib johan, RM500 untuk tempat ketiga dan RM400 untuk tempat keempat bersama kit robotik dan sijil masing-masing.

Bagi kategori inovasi, Maahad Sains Tok Guru muncul johan dengan projek bertajuk "Cermin Mata Pintar Orang Buta". Naib Johan dimenangi oleh Maahad Muhammadi



Perempuan, tempat ketiga oleh Maahad Muhammadi Lelaki, dan tempat keempat oleh Maahad Muhammadi Gua Musang.

Johan kategori inovasi menerima RM1,000, dua medal, satu kit robotik dan sijil, diikuti RM700 untuk naib johan, RM500 untuk tempat ketiga, dan RM400 untuk tempat keempat bersama hadiah iringan masing-masing.

Turut hadir pada majlis penutup program ialah Pengarah YIK Dato' Zulkifle Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat Norazlili Leley Muhammad, Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) Nik Jesim Tan Sri Nik Hashim, Pengurus Besar ICT Kelantan Gateway Roslan Mohd Zin, Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Kota Bharu Nik Hishamudin Nik Mustafa serta Ketua Pegawai Eksekutif Robotic System Enterprise Dr. Dafizal Derawi.

LTSIP kendali lebih 1.3 juta penumpang sehingga September tahun ini



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 27 Oktober - Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) bukan sahaja sebagai pintu masuk ke Kelantan, tetapi juga menjadi nadi penting kepada pertumbuhan ekonomi dan pelancongan di Pantai Timur.

Pengarah Urusan Malaysia Air-

port Dato' Mohd Izani Ghani berkata, sejak Januari hingga September tahun ini, LTSIP telah mengendalikan lebih dari 1.3 juta penumpang.

"Jumlah ini mencatatkan peningkatan sebanyak 122.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas.

"Ini menggambarkan pertum-

buhan luar biasa dalam permintaan perjalanan udara dari luar ke Kota Bharu."

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan alu-aluan pada majlis Pemerkasaan dan Pemuliharaan Rebana Ubi sempena MYAirport-CARES Lestari Seni serta majlis sambutan penerbangan sulung Scoot



Air di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di sini pada Ahad.

Tambah Dato' Mohd Izani lagi, pemilihan rebana ubi sebagai fokus program MYAirportCARES Lestari Seni bukanlah satu kebetulan. Seni rebana ubi pada satu ketika dahulu begitu dekat dengan kehidupan masyarakat di Kelantan. Ia dimainkan dalam acara kemasyarakatan dan perayaan. Namun begitu, seiring dengan peredaran masa rebana ubi jarang diketengahkan dan kian dilupakan oleh generasi muda.

"Dulu-dulu di Kelantan, khususnya Pasir Mas, mana-mana majlis akan dimeriahkan dengan persembahan rebana ubi. Tetapi sekarang ia sudah tiada, sebab itu ia menjadi fokus dalam program MYAirport-CARES ini," jelasnya.

Kejohanan Silat Jatuh Setanjak Kelantan 2025 semarakkan warisan Melayu, ukhuwah Nusantara

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Oktober – Seni silat bukan sekadar warisan bela diri, tetapi juga lambang jati diri serta kebudayaan Melayu yang kaya dengan nilai semangat, disiplin dan persaudaraan.

Semangat itu terserlah melalui penganjuran Kejohanan Silat Jatuh Setanjak Kelantan 2025 yang telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud di perkarangan Bangunan ABASK Trading, Rantau Panjang pada Sabtu.

Beliau menzahirkan rasa bangga melihat anak-anak muda terus mewarisi dan mencintai warisan bangsa melalui seni silat.

"Kito ttewah (berlawan) di atas gelanggang, namun berukhuwwah di luar gelanggang," ujar beliau menerusi satu hantaran di media sosial miliknya pada Sabtu, yang



menggambarkan semangat persaudaraan yang dipupuk melalui pertandingan tersebut.

Menurut beliau, seni silat merupakan lambang kebudayaan dan identiti Melayu kerana mengandungi khazanah warisan turun-temurun seperti tulisan jawi, semangat kepahlawanan Hang Tuah dan Hang Jebat serta nilai keharmonian jasmani dan rohani yang menjadi teras peradaban Melayu.

"Aksi lincah dan bertenaga para peserta memperlihatkan keunikan langkah serta seni bela diri masing-masing yang menyerlahkan lagi kehebatan dan keindahan seni silat tradisional," ujarnya.

Kejohanan kali ini turut disertai wakil-wakil dari Narathiwat, Thailand, sekali gus mempertautkan silaturahmi dua rumpun Melayu Nusantara.

Sementara itu, Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor yang mengiringi Menteri Besar merasmikan kejohanan tersebut berkata, penganjuran kejohanan tersebut memperlihatkan



kehebatan seni pertahanan diri warisan bangsa, bahkan mengukuhkan jati diri anak muda melalui nilai disiplin, keberanian dan hormat-menghormati yang diasuh dalam seni silat.

"Program seperti ini juga menjadi pemangkin kepada pemerkasaan pelancongan sukan dan budaya di kawasan sempadan, selain memberi peluang kepada pengunjung untuk mengenali keunikan seni mempertahankan diri tradisional Kelantan," katanya di media sosial miliknya, pada Sabtu.

Pempengaruh Kay Chanel Japan terima Anugerah Rakan Alam Sekitar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 25 Oktober – Anak jati Kota Bharu yang terkenal dengan sifat cintakan kebersihan, saudara Nik Ahmad Kaysfi atau lebih mesra sebagai Kay, menerima Penghargaan Khas Rakan Alam Sekitar (Kluster Komuniti) sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025 yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, semalam.

Beliau bukan sahaja aktif dalam aktiviti kebersihan, malah terkenal dengan fasih bertutur bahasa Jepun dan kerap memakai kostum tradisional Jepun ketika mengutip

sampah telah menjadikan usaha sukarelawanannya menarik perhatian masyarakat.

Kay menggunakan platform digital untuk menyemai kesedaran awam tentang kepentingan menjaga alam sekitar. Usaha beliau yang konsisten di sekitar Kota Bharu dan lokasi tumpuan awam lain di Kelantan telah menarik perhatian Kerajaan Negeri Kelantan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan YB Hilmi Abdullah, menyampaikan ucapan tahniah dan mengiktiraf usaha Kay Chanel



sebagai teladan yang patut dicontohi oleh golongan muda.

"Kerajaan Negeri amat menghargai kesungguhan yang ditunjukkan oleh saudara Kaysfi dalam mendidik masyarakat melalui pendekatan kreatif dan positif di media sosial.

"Usaha beliau mengadakan kempen kebersihan secara berterusan termasuk melalui platform live (siaran langsung) ketika mengutip sampah di sekitar Kota Bharu adalah contoh terbaik aktivisme anak muda masa kini," katanya menerusi satu hantaran di laman sosial rasminya,

hari ini.

Tambah beliau, tindakan Kay yang menegur masyarakat secara berhemah telah berjaya menarik minat lebih ramai rakyat Kelantan untuk mencontohi amalan menjaga kebersihan.

"Lebih menarik, aktiviti sukarelawan beliau bukan sekadar membersihkan kawasan fizikal, tetapi turut menyemai semangat tanggungjawab terhadap kebersihan awam dalam kalangan masyarakat," katanya.

YB Hilmi menyeru lebih ramai anak muda tampil menjadi ejen perubahan dengan menghasilkan kandungan media sosial yang menyeru ke arah kebaikan dan penjagaan alam sekitar.

"Marilah kita bersama-sama melipat gandakan usaha menjaga kehijauan dan kelestarian alam sekitar ke arah menjadikan Kelantan sebagai negeri yang Bersih, Indah dan Ceria, selaras dengan moto Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera," ujarnya.

Pelaburan ECERDC RM1.12b, buka 1300 peluang kerja di Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Oktober — Momentum pembangunan Kelantan terus dipacu melalui projek-projek infrastruktur strategik di bawah Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang memperkukuh kesalinghubungan dan membuka horizon baharu pelaburan serta peluang ekonomi di negeri ini.

Setakat September 2025, ECERDC telah merealisasikan pelaburan bernilai RM1.12 bilion di Kelantan, dengan sektor pembuatan muncul sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Pelaburan itu telah mewujudkan lebih 200 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, manakala pelaburan komited bernilai RM736 juta dijangka menghasilkan lebih 1,300 peluang pekerjaan baharu apabila direalisasikan kelak.

Antara projek mercu yang menjadi tumpuan ialah Jambatan Palekbang-Kota Bharu, yang kini mencapai kemajuan 22 peratus.

Setelah siap kelak, jambatan ini akan menjadi nadi penghubung utama antara Kota Bharu dan Tumpat, sekali gus mengurangkan kesesakan di pusat bandar dan memperluas kawasan pertumbuhan baharu di utara Kelantan.



Menurut Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, projek tersebut adalah sebahagian daripada pelan pembangunan jangka panjang yang dirancang bersama ECERDC untuk memperkukuh infrastruktur dan menarik pelaburan berimpak tinggi ke negeri ini.

"Kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan ECERDC memberi jaminan bahawa setiap projek pembangunan dilaksanakan seiring dengan keutamaan negeri. Perkongsian strategik ini bukan sahaja memperkukuh ekonomi utama negeri, malah meningkatkan taraf hidup rakyat melalui peluang pekerjaan berkualiti," ujarnya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC) ECER Kelantan di Mabna pada Khamis.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC Dato' Baidza-

wi Che Mat berkata pembangunan Jambatan Palekbang-Kota Bharu serta jaringan projek pengangkutan utama seperti Lebuh raya Lingkar Tengah Utama (LTU) dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan meletakkan Kelantan sebagai hab penghubung ekonomi serantau baharu.

"Projek-projek pemangkin ini akan memperkukuh kesalinghubungan antara daerah dan wilayah, membuka laluan pelaburan baharu serta meningkatkan aktiviti perdagangan, logistik dan pelancongan," katanya.

Projek LTU yang kini giat dilaksanakan di beberapa seksyen utama dijangka mengurangkan masa perjalanan antara bandar utama di Kelantan dan negeri jiran, sekali gus merencanakan mobiliti barangan serta memperkukuh rantaian bekalan industri tempatan. Kesalinghubungan antara LTU, Jambatan Palekbang dan ECRL



bakal mencipta rangkaian infrastruktur bertaraf nasional yang mampu menjadikan Kelantan sebagai pusat ekonomi baharu di Pantai Timur.

Selain infrastruktur jalan raya, ECERDC turut melaksanakan beberapa projek pelengkap termasuk Taman Industri Tok Bali (TBIP), naik taraf Jeti Tok Bali, serta penambahbaikan kemudahan awam di Rantau Panjang bagi menyokong pembangunan perdagangan rentas sempadan dan pelancongan.

Tambahnya, dalam sektor asas tani, ECERDC telah menyiapkan Pusat Pengumpulan Susu Kambing (GMCC) di Pasir Puteh yang dijangka mula beroperasi pada Januari 2026.

Projek berkenaan akan membantu penternak kecil meningkatkan pengeluaran dan pendapatan melalui rantaian nilai industri tenusu tempatan.

Rakyat Kelantan bijak menilai, pertahankan perjuangan Islam di Kelantan - Dato' Ahmad Yakob



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 24 Oktober — Kemeriahian Sambutan 70 tahun PAS Kelantan dan 35 tahun Membangun Bersama Islam yang berlangsung pada 21 hingga 25 Oktober di Daran Warisan, Stadium Sultan Mu-

hammad IV itu telah membuktikan sokongan rakyat Kelantan kepada kerajaan hari ini.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan YB Dato' Bentara Kanan Dato' Ustaz Ahmad Yaakob.

Beliau menjelaskan bahawa



rakyat Kelantan bijak menilai dan terus teguh menyokong perjuangan Islam, meskipun pelbagai fitnah dan persepsi telah dilontarkan kepada pimpinan negeri Kelantan.

"Rakyat Kelantan bijak menilai, dan inilah kekuatan sebenar perjuangan Islam di negeri ini.

"Rakyat Kelantan menilai bukan berdasarkan emosi, tetapi melalui akal dan ilmu, menjadikan negeri ini terus menjadi saksi perjuangan Islam yang subur dan berterusan" katanya.

Beliau menegaskan bahawa keteguhan perjuangan Islam di Kelantan berakar daripada iman dan amal, bukan semata-mata keinginan politik.

"Sejak tahun 1959, Kelantan mengangkat Islam sebagai dasar pentadbiran, membuktikan bahawa kemajuan sesebuah negeri perlu selari dengan ajaran agama Islam" ujarnya.

Kelantan peruntukkan RM27.5 juta, komited pelihara alam sekitar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 26 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dengan memperuntukkan sebanyak RM27.5 juta bagi pelaksanaan pelbagai program pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar sepanjang tahun 2025.

Menteri Besar Kelantan Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, peruntukan itu meliputi pelbagai projek hijau termasuk pemeliharaan hutan dan ekosistem, penguurusan sisa dan kebersihan, kempen kesedaran awam serta pendidikan alam sekitar dan perlindungan biodiversiti.

"Usaha ini selaras dengan matlamat pembangunan mampan yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan diterjemahkan dalam konteks lima maqasid syariah yang menjadi elemen penggerak Pentadbiran Membangun Bersama Islam (PMBI) sebagai teras pentadbiran negeri," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Kebang-



saan 2025 di sebuah hotel di sini, semalam.

Program anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Jabatan Alam Sekitar itu berlangsung selama tiga hari bermula 23 hingga 25 Oktober di Taman Perbandaran Tengku Anis, Kota Bharu dengan pelbagai pengisian berbentuk pendidikan, pameran dan aktiviti hijau.

Dato' Mohd Nassuruddin turut merakamkan penghargaan kepada pihak kementerian dan Jabatan Alam Sekitar atas kepercayaan memilih Kelantan sebagai tuan rumah bagi penganjuran peringkat kebangsaan tersebut.

"Inisiatif sebegini amat penting dalam memperkukuh dan memperluas pendidikan serta kesedaran alam sekitar di semua peringkat

masyarakat. Ia juga wadah penting untuk seluruh rakyat Malaysia menghayati keindahan ciptaan Allah SWT serta memupuk sifat amanah terhadapnya," ujarnya.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa komited melaksanakan pelbagai inisiatif hijau secara berterusan, antaranya Kempen Sifar Plastik yang kini disertai sekurang-kurangnya 11 pasar raya utama di negeri ini sebagai tanda sokongan terhadap agenda hijau.

Selain itu, kempen "Kota Bharu Bebas Plastik" yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) sejak Januari 2024 turut mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat melalui pengharaman penggunaan plastik di premis-premis tertentu serta galak-

kan penggunaan alternatif mesra alam.

Dalam masa sama, Kelantan Utilities Mubaarakan (KUM) juga memainkan peranan aktif melalui program penukaran minyak masak terpakai kepada tunai dan produk guna semula, yang dijalankan dengan kerjasama Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) dan pihak berkuasa tempatan.

Dato' Nassuruddin menegaskan, semua usaha tersebut membuktikan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam memastikan pembangunan negeri tidak mengabaikan kesejahteraan alam sekitar.

"Alam sekitar adalah amanah Allah. Menjaganya bukan sekadar tanggungjawab sosial, tetapi satu tuntutan agama yang wajib dipelihara oleh setiap insan," katanya.

Majlis perasmian berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Datuk Dr Ching Thoo A/L Kim, Mantan Menteri Besar Kelantan Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yaakob, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah serta Exco-Exco Alam Sekitar Negeri di Malaysia.

Kelantan lancar "blueprint" Bandar Pintar 2040 berteraskan Islam



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 30 Oktober – Pelancaran Blueprint Bandar Pintar Kelantan 2040 disifatkan sebagai satu anjakan paradigma dalam cara pentadbiran, perancangan dan pembangunan negeri secara menyeluruh, berpaksikan nilai Islam dan berteraskan teknologi moden.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata pelancaran dokumen tersebut bukan sekadar memperkenalkan dasar



baharu, tetapi menjadi mercu tanda kepada usaha mewujudkan sistem pembangunan perbandaran yang lebih pintar, cekap dan sistematik di negeri ini.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan (PLANMalaysia Kelantan) atas inisiatif dan komitmen tinggi dalam menyediakan dokumen penting tersebut yang menjadi rujukan utama hala tuju pembangunan negeri menjelang tahun 2040.

Menurutnya, konsep Bandar

Pintar merangkumi penggunaan teknologi dan maklumat elektronik dalam pengurusan bandar bagi memastikan pembangunan berjalan secara efisien, tersusun serta memberi manfaat optimum kepada rakyat.

"Blueprint ini merupakan kali pertama dalam sejarah Kelantan kita menggariskan secara rasmi pelan hala tuju bandar pintar yang bukan sahaja menekankan aspek kementerian, malah disepadukan dengan prinsip Maqasid Syariah serta dasar Membangun Bersama Islam," katanya ketika berucap merasmikan majlis di Dewan Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan, semalam.

Dokumen tersebut merangkumi tujuh komponen bandar pintar, 35 dasar, 107 strategi, 198 inisiatif atau projek, serta 238 sasaran yang melibatkan 121 agensi pelaksana bagi

memastikan pelaksanaannya mencapai matlamat menjelang tahun 2040.

Majlis turut menyaksikan penyerahan dokumen Blueprint Bandar Pintar Kelantan 2040 kepada 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negeri sebagai simbol permulaan pelaksanaan di peringkat daerah.

Menteri Besar yang diringi Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah bersama tetamu kehormat turut meninjau ruai pameran interaktif yang memaparkan teknologi, aplikasi serta idea inovatif berkaitan pelaksanaan konsep bandar pintar di negeri ini.

Konsep berkenaan selaras dengan aspirasi menjadikan Kelantan sebagai negeri maju, berdaya tahan dan berteraskan Islam menjelang 2040.

Sambutan 35 tahun MBI himpunkan **keluarga besar perjuangan Islam** – Dato' Wan Roslan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 24 Oktober – “Kita berhimpun hari ini sebagai satu keluarga besar perjuangan Islam.”

Demikian ungkapan penuh makna oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, sempena Majlis Perasmian Sambutan 70 tahun PAS Kelantan dan 35 tahun Membangun Bersama Islam (MBI) yang berlangsung di Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV, hari ini.

Sambutan yang diadakan selama lima hari bermula 21 hingga 25 Oktober 2025 itu menyatukan ribuan rakyat, ahli hizbi, agensi kerajaan serta badan sukarela dalam satu himpunan besar memperingati sejarah panjang pentadbiran Islam di bumi Kelantan.

Dalam ucapannya, Dato' Wan Roslan menzahirkan rasa syukur atas kejayaan penganjuran sambu-



tan yang melambangkan kekuatan ukhuwah dan keutuhan perjuangan Islam di negeri ini.

“Inilah lambang kesatuan ummah yang menjadi asas kekuatan Kelantan selama 35 tahun pentadbiran Membangun Bersama Islam,” katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada seluruh jawatankuasa pelaksana, pasukan keselamatan dan para sukarelawan yang bertungkus-lumus menjaya-

kan program tersebut.

Mengimbau perjalanan panjang PAS di Kelantan, beliau menyifatkan 35 tahun kerajaan Kelantan sebagai kisah penuh air mata dan darah yang menuntut pengorbanan luar biasa daripada generasi terdahulu.

“Kita bukan sekadar memperingati umur yang panjang, tetapi mengangkat perjuangan para ulama, para pejuang dan rakyat yang setia mempertahankan Islam di bumi

bertuah ini,” ujarnya.

Dato' Wan Roslan turut mengingatkan semua agar tidak membiarkan perbezaan kecil memecahbelahkan ukhuwah perjuangan yang telah dibina dengan pengorbanan besar generasi terdahulu.

“Jangan kerana perbezaan kecil, kita hancurkan perjuangan yang dibina dengan darah dan air mata oleh orang lama terdahulu. Teruskan perjuangan ini dengan hikmah dan kasih sayang,” jelasnya.

Siapakah bakal **mengungguli HSK 2025**?



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 Oktober – Siapakah bakal mengungguli Hadiah Sastera Kelantan (HSK) 2025?

Dunia sastera Kelantan kini memasuki fasa penuh debaran apabila bulan November semakin menghampiri. Nama-nama besar telah mula meniti di bibir pemerhati, namun keputusan rasmi kekal menjadi rahsia juri sehingga saat pengumuman disempurnakan kelak pada awal November.

Persoalan turut berlegar dalam kalangan peminat, adakah karya arus perdana akan terus mendominasi, atau bakat baharu bakal men-

cipta kejutan pertama?

Sehubungan itu, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharuddean Al-Haj Tengku Feissal menegaskan bahawa sastera adalah medan kreativiti dalam pembinaan tamadun bangsa.

“Bangsa yang besar ialah bangsa yang menulis, merakam dan memaknai pengalamannya. Negeri Kelantan mendukung semangat ini sejak sekian lama. Justeru, pengiktirafan terhadap para sasterawan adalah sebahagian daripada usaha memartabatkan akal budi Melayu yang berteraskan nilai Islam,” katanya.

Mengimbas rekod penganjuran terdahulu, beliau memaklumkan bahawa komitmen kerajaan negeri terhadap HSK telah bertapak sejak edisi pertama pada tahun 2003, apabila Kerajaan Negeri Kelantan turut menyumbangkan dana bagi menjayakan majlis penyampaian hadiah bersekali dengan Anugerah Sastera Kelantan (ASK).

Menurutnya lagi, sebelum ini HSK diadakan bersekali dengan ASK bermula tahun 2003. Kali kedua dianjurkan pada tahun

2015, kali ketiga ialah pada tahun 2019/2020 dan yang keempat ialah pada tahun 2023.

“Kerajaan Negeri Kelantan telah menyediakan peruntukan yang lebih besar bagi memastikan penganugerahan tersebut berlangsung dengan penuh martabat. Tiga penganjuran HSK bersekali dengan ASK yang dilaksanakan sebelum ini telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Kelantan.

“ASK keempat disempurnakan oleh YBM Tengku Temenggung Kelantan pada 6 November 2023. Insya-Allah tahun ini, kita adakan dua pengiktirafan berprestij ini berasingan. Kita sempurnakan HSK 2025 dulu dan giliran saya pula menyampaikan pengiktirafan tersebut. Tiada aral, tahun depan kita anjurkan pula ASK 2026,” jelasnya, ketika dihubungi, hari ini.

Beliau juga berharap dengan dukungan penuh Kerajaan Negeri Kelantan dan kerjasama erat DBPWT, HSK 2025 menjadi antara edisi paling dinanti sepanjang sejarahnya.

Sementara itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) Ariza Che Ismail ber-

kata penganjuran HSK merupakan salah satu platform penting dalam mengiktiraf peranan penulis sebagai pemikir dan penggerak ilmu dalam masyarakat.

“HSK merupakan salah satu bentuk penghormatan kepada individu yang berkemahiran mengarang karya kreatif yang mempunyai ketinggian wacana ilmu, berfalsafah dan kaya kearifan tempatan yang boleh menjadi rujukan korpus peradaban,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau mengakui bahawa DBPWT menyanjung tinggi kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan atas sumbangan yang diberikan. Beliau turut menzahirkan harapan agar pengiktirafan ini terus diperkasa melalui peluasan kategori penghargaan.

“Di bawah naungan daripada Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pejabat SUK dan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Melayu, diharapkan penganjur bersama akan memperluas penganugerahan kepada lebih ramai tokoh dan penulis dengan mewujudkan kategori khusus bagi Hadiah Sastera Kelantan dan Anugerah Sasterawan Kelantan,” tambahnya.

DQLK tekankan peranan bapa sebagai pembimbing keluarga



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Oktober – Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkukuh agenda Membangun Bersama Islam (MBI) dengan melancarkan Dasar Qawwamah Lelaki Kelantan (DQLK), yang menekankan peranan seorang bapa sebagai pemimpin, pendidik dan pelindung keluarga dalam membimbing mereka ke arah kehidupan yang diberkati Allah SWT.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, dasar berteraskan prinsip Islam itu akan menjadi panduan kepada seluruh masyarakat dalam membina keluarga sejahtera serta melahirkan generasi berakhlak mulia dan diberkati Allah SWT.

“Insya-Allah, buku dasar ini akan menjadi panduan dan iltizam bersama dalam membina keluarga yang sejahtera dan masyarakat yang berakhlak mulia,”

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Sambutan Membangun Bersama Islam kali ke-35, di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Jelasnya, pelaksanaan dasar tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan negeri dalam memastikan pentadbiran Islam terus subur dan relevan dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Menurutnya, tahun 2026 bakal menjadi detik penting dalam landskap politik negara dan negeri Kelantan, justeru umat Islam perlu memperkukuh pegangan kepada ajaran al-Quran bagi menangkis cabaran semasa yang mengancam akidah dan perpaduan umat.

Antara cabaran yang dikenal pasti termasuklah penyusupan racun sekularisme dan liberalisme, limpahan maklumat tanpa tapisan, keruntuhan ilmu dan kehilangan ulama, perpecahan dalam kalangan umat Islam serta kelesuan roh jihad dan semangat khidmat terhadap agama dan bangsa.

“Penyusupan racun sekularisme dan liberalisme telah melemahkan akidah serta merobek benteng iman umat Islam. Tiada jalan lain untuk menangkisnya selain kembali kepada ajaran al-Quran secara menyeluruh,” tegasnya.

Tambahnya, limpahan maklumat tanpa sempadan telah membuka gelanggang peperangan pemikiran antara yang benar dan batil, menuntut kebijaksanaan umat Islam menilai setiap berita berdasarkan panduan wahyu serta bimbingan ulama.

Beliau yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Meranti turut menegaskan bahawa kekuatan Kelantan sejak dahulu berpaksikan kepada ilmu dan ulama, yang mesti

terus dipertahankan sebagai nadi kekuatan dan kelangsungan perjuangan Islam di negeri ini.

“Apabila ilmu tidak lagi dimuliahkan dan ulama tidak lagi dihormati, maka terbukalah pintu kesesatan, fitnah dan perpecahan. Kita mesti mempertahankan tradisi ilmu dan menghormati ulama agar kelangsungan pentadbiran Islam terus terpelihara,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau menyeru umat Islam agar memperkukuh kesatuan dan meletakkan hifz din (menjaga agama) sebagai asas utama dalam setiap tindakan dan pertimbangan bagi memastikan kelangsungan pentadbiran Islam di Kelantan.

Kelesuan roh jihad dan semangat khidmat yang tulus untuk agama, bangsa dan negeri mesti diatasi melalui proses tarbiah, bimbingan dan teladan kepimpinan. Hanya dengan kekuatan semangat ini, pentadbiran Islam akan terus dipertahankan dan diwarisi generasi akan datang,” ujarnya.

Projek ECRL buka peluang kontraktor Bumiputera G1, G2 laksanakan kerja-kerja di sekitar stesen



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 24 Oktober – Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) terus membuka ruang dan peluang rezeki kepada kontraktor kecil Bumiputera apabila 85 syarikat tempatan gred G1 dan G2 yang berdaftar di Kelantan, Terengganu dan Pahang telah berjaya dipilih untuk menyertai Majlis Cabutan Undi Pakej Kerja Bumiputera bagi melaksanakan pelbagai kerja kecil di 15 stesen ECRL sepanjang jajaran Pantai Timur.

Projek tersebut merangkumi pelaksanaan pakej-pakej kerja kecil seperti pemasangan papan tanda, penyediaan perabot jalan, pemasangan pagar serta kerja-kerja

pengurusan landskap (turfing) di 15 stesen ECRL yang terletak di jajaran Pantai Timur.

Langkah tersebut menzahirkan komitmen MRL dan CCC (ECRL) untuk memperkukuh penyertaan kontraktor Bumiputera tempatan, di samping memastikan manfaat ekonomi Projek ECRL yang bernilai RM50.27 bilion itu turut dirasai secara langsung oleh masyarakat setempat.

Majlis cabutan undi bagi memilih kontraktor terlibat di Kelantan diadakan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan dan disempurnakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Al-Haj Tengku Feissal pada Khamis.

Majlis cabutan undi berkenaan melibatkan kerja-kerja di dua stesen ECRL di Kelantan, sementara majlis cabutan undi untuk enam stesen di Terengganu dijadual berlangsung pada 29 Oktober dan tujuh stesen di Pahang pula pada 30 Oktober di ECRL Basecamp Kota-

SAS, Kuantan.

Proses penilaian bagi lima stesen di Selangor pula sedang berjalan dan dijangka selesai menjelang akhir November 2025.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif MRL, Dato' Sri Darwis Abdul Razak, majlis cabutan undi untuk para kontraktor Bumiputera G1 dan G2 itu mencerminkan sokongan dan komitmen Projek ECRL menyantuni kontraktor kecil Bumiputera dalam fasa pembinaan infrastruktur nasional yang merangkumi

20 stesen di sepanjang jajaran relnya dari Kota Bharu hingga Pelabuhan Klang.

“MRL dan CCC (ECRL) telah memperteguh usaha dalam membolehkan nilai kontrak projek mega ini akan sedikit sebanyak memberi manfaat dan impak positif kepada kontraktor kecil Bumiputera yang berkebolehan di sepanjang jajaran ECRL.

“Penglibatan ini akan memperkasa bakat tenaga kerja ma-

hir tempatan dan menyokong kelangsungan kumpulan kontraktor Bumiputera,” katanya menerusi siaran media ECRL pada Khamis.

Untuk rekod, projek ECRL yang melibatkan pembinaan rel sejauh 665 kilometer dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang kini telah mencapai 88.08 peratus kemajuan keseluruhan setakat September 2025.

Jajaran Fasa 1 dari Kota Bharu ke Terminal Bersepadu Gombak dijangka siap Disember 2026 dan beroperasi pada Januari 2027, manakala Fasa 2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang dijadualkan siap Disember 2027 dan beroperasi sepenuhnya pada Januari 2028.

MRL dan CCC (ECRL) bersejua untuk memperuntukkan 40 peratus penyertaan kontraktor tempatan dalam kerja-kerja sivil bernilai sehingga RM10.8 bilion, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan manfaat projek mega ini dinikmati oleh rakyat tempatan dan komuniti Bumiputera di seluruh negara.

Generasi muda perlu selami sejarah perjuangan Islam di Kelantan – YB Zamakhshari

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 27 Oktober – Generasi muda hari ini perlu memahami sejarah perjuangan Islam di Kelantan agar mereka dapat terus mempertahankan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang menjadi asas pentadbiran negeri.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhammad berkata, kebanyakan anak muda Kelantan hari ini ialah mereka yang lahir selepas era MBI iaitu selepas tahun 1990.

“Mungkin mereka tidak pernah merasai bagaimana susahnyanya usaha kerajaan ketika itu dalam memasakkan nilai Islam ke dalam pentadbiran negeri. Namun, hasil perjuangan panjang itu telah membentuk suasana kehidupan yang kita nikmati hari ini.”

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Pentas Anak Muda sempena Sambutan 70 Tahun PAS Kelantan dan 35 Tahun Pentadbiran MBI di Dataran Warisan, Stadium Sultan Muhammad IV, pada Jumaat.

Majlis tersebut turut diserikan dengan persembahan nasyid daripada kumpulan Rabbani yang membawakan lirik-lirik yang mengimbau nostalgia peminat nasyid, sekali gus memeriahkan suasana Pentas Anak Muda.

Menurut YB Zamakhshari,



sebelum tahun 1990, suasana negeri Kelantan sangat berbeza apabila maksiat, judi dan arak berleluasa di merata tempat.

“Tok Guru ketika itu hanya mampu menyampaikan dakwah dan mengingatkan masyarakat tentang halal dan haram, tetapi tiada kuasa untuk melaksanakan perubahan sebenar,” ujarnya.

Namun katanya, selepas rakyat Kelantan memberi mandat kepada PAS pada tahun 1990, bermulalah satu era baharu apabila dasar Islam mula diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan pentadbiran.

“Kedai-kedai judi tidak lagi diberikan lesen, lesen arak dikawal dan dasar negeri disusun berasaskan prinsip Islam.

Apa yang Tok Guru ajar di masjid kini dapat diterjemahkan dalam

dasar kerajaan,” jelasnya.

YB Zamakhshari menegaskan generasi muda perlu mengenal akar sejarah perjuangan ini supaya mereka mampu mempertahankan dasar Islam yang menjadi asas pentadbiran negeri Kelantan.

“Generasi muda hari ini membesar dalam suasana yang sudah aman daripada anasir tidak baik. Sebab itulah kita mesti membaca dan memahami sejarah bagaimana Tok Guru menerapkan dasar MBI,” katanya.

Beliau turut menzahirkan rasa bangga melihat kehadiran ramai anak muda di Dataran Warisan sebagai bukti kebangkitan generasi baharu yang yakin dengan perjuangan Islam.

“Melihat wajah anak-anak muda di Dataran Warisan petang ini, jelas

“

Generasi muda hari ini membesar dalam suasana yang sudah aman daripada anasir tidak baik. Sebab itulah kita mesti membaca dan memahami sejarah bagaimana Tok Guru menerapkan dasar MBI,”

bahawa generasi kini semakin berani, berilmu dan yakin dengan jalan perjuangan.

“Mereka tidak lagi hanya menjadi penonton, tetapi pewaris kepada legasi kepemimpinan yang dibina sejak tujuh dekad lalu,” katanya.

Sementara itu, majlis perasmian berkenaan turut menyaksikan penyampaian hadiah kepada pemenang Pentas Anak Muda. Zul Azhan Zulkefli dari Gua Musang dinobatkan sebagai Johan dengan membawa pulang RM350, sijil dan piala. Manakala, Ahmad Ramzil Hafizie Rusli dari Pasir Puteh meraih Naib Johan dengan hadiah RM250, sijil dan piala. Tempat ketiga pula disandang oleh Muhammad Haikal Hasif Abdul Halim dari Jeli dengan membawa pulang RM200, sijil dan piala.



MAHB, JKKN jalin kerjasama perkasa warisan rebana ubi

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 27 Oktober – Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) menjalin usaha hasama strategik memperkasakan warisan seni tradisional rebana ubi melalui inisiatif MyAirportCARES Lestari Seni.

Program berteraskan tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini menumpukan kepada pemeliharaan, pemuliharaan serta penghidupan semula seni warisan rebana ubi yang menjadi simbol identiti budaya negeri Kelantan dan khazanah penting negara.

Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan) JKKN Rosnan Abdul Rahman berkata, inisiatif MyAirportCARES Lestari Seni ini merupakan program pertama hasil jalinan strategik antara MAHB dan JKKN, sebagai satu sinergi mempertemukan dunia korporat dengan dunia kebudayaan.

“Diharapkan program ini akan menjadi perangsang kepada lebih banyak syarikat korporat lain untuk turut serta membantu memartabatkan seni budaya negara.

“Kerjasama ini amat penting dalam memperkukuh ekosistem seni budaya warisan melalui pendekatan lestari, berinovasi dan inklusif,” katanya ketika berucap merasmikan pelancaran MYAiportCARES Lestari Seni serta majlis sambutan penerbangan sulung Scoot Air di Lapangan Terbang Sultan Ismail



Petra (LTSIP), di sini, semalam.

Menurutnya, sektor Dasar dan Perancangan JKKN berperanan sebagai penyelarasar dasar serta pemangkin pembangunan ekosistem seni budaya negara, selaras dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN).

Tambahnya, melalui dasar tersebut, setiap inisiatif dirancang dengan pendekatan strategik bagi menyokong agenda pemuliharaan warisan dan memperkukuh jalinan pintar antara sektor awam, swasta serta komuniti budaya di peringkat akar umbi.

“Apabila sektor korporat berganding bahu dengan agensi kerajaan dan masyarakat setempat, nilai seni dan warisan budaya akan terus berkembang seiring dengan kemajuan negara,” ujarinya.

Rosnan turut menegaskan bahawa JKKN sentiasa memberi ruang kepada penggiat seni rebana ubi untuk terus aktif melalui pelbagai program anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dan JKKN,

selain mempersembahkan alunan muzik tradisi itu di program anjuran Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC).

Sebagai tanda sokongan terhadap usaha ini, MAHB turut menyumbangkan sebanyak RM140,000 kepada Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Awang Selamat, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berdaftar di bawah JKKN.

Sumbangan tersebut akan digunakan untuk menaik taraf bengkel, membeli peralatan serta melaksanakan program perintis bagi menghidupkan kembali seni tradisional rebana ubi sebagai warisan berharga negeri Kelantan dan kebanggaan negara.

Majlis pelancaran MyAirportCARES Lestari Seni itu turut dimeriahkan dengan sambutan penerbangan sulung Scoot Air dari Singapura ke LTSIP, Kota Bharu yang membawa lebih kurang 50 penumpang. Penerbangan terus dari Singapura ke Kota Bharu akan beroperasi dengan kekerapan dua

kali seminggu.

Kehadiran pelancong antarabangsa diharap dapat menyemarakkan sektor pelancongan serta membuka peluang memperkenalkan keunikan rebana ubi dan kekayaan budaya tempatan kepada dunia,” ujar Rosnan.

Beliau turut menzahirkan harapan agar kerjasama ini menjadi model kerjasama mampan yang bukan sahaja melestarikan warisan seni budaya, tetapi juga menjana ekonomi komuniti seni kreatif tempatan.

Dalam sidang media, Rosnan menyeru kepada generasi muda untuk mengambil peluang mendekati kesenian rebana ubi ini memandangkan pembuat rebana ubi semakin berkurangan. Hanya sekitar 10 hingga 12 orang sahaja pembuat rebana ubi yang masih ada di Kelantan.

“Kesenian ini juga boleh menjadi sumber pendapatan atau ekonomi mereka. Bila mereka ada kemahiran membuat rebana ubi, secara tidak langsung membuka peluang untuk perniagaan alat muzik rebana ubi ini,” jelasnya kepada media selepas program tersebut.

Hadir sama, Pengarah Urusan Malaysia Airports Dato’ Iza Ghani, Ketua Pegawai Operasi Malaysia Airports Sdn Bhd Kamaruzaman Razali, Timbalan Pengarah Kanan Promosi Antarabangsa (Asia Tenggara) Tourism Malaysia Jamilah Abdul Halim dan Pengarah TIC Mohd Azwan Ab Rahman.





Sambutan 35 tahun MBI himpunan keluarga besar perjuangan Islam –YB Dato' Wan Roslan

Kelantan muncul juara Kejohanan Futsal Bawah 19 Kebangsaan 2025

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 26 Oktober — Pasukan Kelantan FT muncul juara Kejohanan Futsal Bawah 19 Tahun Kebangsaan 2025 selepas menewaskan Selangor FC 4-1 pada perlawanan akhir yang berlangsung di Arena FAM, Kelana Jaya pada Jumaat.

Selangor terlebih dahulu mengejutkan Kelantan apabila membuka tirai jaringan seawal minit kedua menerusi Ammar Luqman yang membuat satu tolakan ke belakang menggunakan tumit yang menarik di kawasan D.

Tersentak dengan jaringan itu, pasukan bimbingan Nik Muhammad Amin Nik Mohamad memperkemarkan rentak permainan dan mula menguasai perlawanan. Usaha mereka membuahkan hasil pada minit ke-14 apabila Muhammad Akmal Rizal melepaskan



rembatan padu untuk menyamakan kedudukan 1-1.

Masuk minit ke-22, Kelantan menambah jaringan gol menerusi Faris Amsyar yang menjadikan kedudukan 2-1.

Pada minit ke-38, Faris Amsyar sekali lagi meledak jaringan untuk menjarakkan kedudukan kepada 3-1.

Ketika Selangor cuba menggunakan taktikal 'Power Play' bagi mendapatkan jaringan gol pada

minit ke-39, Akmal Rizal terus mara dengan memberikan gol yang keempat untuk melengkapkan kemenangan bergaya 4-1, sekali gus mengesahkan kejuaraan menjadi milik skuad muda Kelantan.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad menzahirkan ucapan tahniah kepada seluruh pasukan Kelantan FT atas kejayaan yang membanggakan itu.

“Alhamdulillah dan tahniah diucapkan kepada pasukan Kelantan FT atas kejayaan muncul juara Kejohanan Futsal B19 Kebangsaan 2025 selepas menewaskan Selangor FC dengan keputusan 4-1.

“Kemenangan ini bukan sahaja membanggakan negeri, tetapi juga membuktikan bahawa bakat anak muda Kelantan terus menyerlah di pentas kebangsaan,” katanya di media sosial pada Sabtu.

Beliau turut menekankan bahawa semangat juang, disiplin dan kesungguhan yang ditunjukkan para pemain wajar dijadikan contoh kepada generasi muda di negeri ini.

“Syabas kepada barisan pemain, jurulatih serta seluruh pasukan pengurusan yang bekerja keras di sebalik kejayaan ini. Semoga terus maju dan menjadi inspirasi kepada generasi pelapis sukan negeri Kelantan,” tambahnya.

MPKB-BRI raih anugerah “Smart City Early Adopter 2025”



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Oktober – Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) terus mengukuhkan kedudukannya sebagai perintis bandar pintar apabila menerima Anugerah “Smart City Early Adopter 2025” sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 yang berlangsung di Dewan Sri Siantan, Putrajaya pada 28 Oktober lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, MPKB-BRI telah lama menetapkan visi

“Bandar Raya Islam Pintar” (Smart Islamic City) sebagai teras pembangunan Kota Bharu, seiring dengan identiti negeri Kelantan.

Beliau berkata, dalam usaha merealisasikan visi itu, MPKB-BRI telah menyusun Draf Pelan Tindakan Bandar Pintar Kota Bharu 2030 yang merangkumi komponen utama seperti e-Perkhidmatan, e-Pembayaran, e-Kompaun, e-Komuniti Digital dan Kota Inklusif bagi manfaat warga kota.

“MPKB-BRI turut menerbitkan beberapa dokumen penting sebagai bukti komitmen mereka dalam transformasi digital bandar utama ke arah Digital City, yang merupakan strategi jangka panjang menuju Kota Bharu Bandaraya Pintar 2030,” katanya menerusi hantaran di media sosial pada Rabu.

Menurutnya, antara komponen Bandar Pintar yang telah berjaya dilaksanakan termasuk pembangunan e-Perkhidmatan dan digitalisasi operasi seperti sistem e-bayar, aduan

awam atas talian, portal data terbuka, aplikasi mudah alih, pengurusan fail elektronik serta sistem maklum balas pelanggan.

Selain itu, dalam aspek Komunikasi dan Infrastruktur Digital, MPKB-BRI turut melaksanakan inisiatif “Kelantan Free Wifi” di Dataran Ilmu, Kota Bharu hasil kerjasama dengan InfraQuest Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia, bagi memperkukuh akses digital awam sebagai salah satu elemen penting dalam pembinaan bandar pintar.

“MPKB-BRI bukan sahaja menumpukan kepada digitalisasi operasi, tetapi turut mengintegrasikan elemen Bandar Raya Islam sebagai identiti utama.

“Ini memberi nilai tambah dalam kesejahteraan komuniti, budaya dan teknologi,” jelas YB Hilmi.

Beliau turut menegaskan keperluan MPKB-BRI untuk memperluas penggunaan sensor Internet of Things (Iot) di bandar seperti lampu pintar, parkir pintar, sistem penguru-

san sisa pintar dan mewujudkan data terbuka yang boleh diakses warga kota.

Anugerah “Smart City Early Adopter 2025” merupakan pengiktirafan khas kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menunjukkan komitmen awal dalam melaksanakan inisiatif bandar pintar di kawasan pentadbiran masing-masing.

Kejayaan berkenaan melayakkan MPKB-BRI menerima hadiah bernilai RM600,000 sebagai tanda penghargaan terhadap usaha inovatif mereka mempertingkatkan sistem perkhidmatan bandar berasaskan teknologi digital.

Penganugerahan berprestij tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Datuk Aiman Athirah Sabu, diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk Wira Dr. M Noor Azman Taib dan Ketua Pengarah PLANMalaysia Datuk TPr. Dr. Alias Ramli.